

5 agenda penentu kejayaan UMNO kembali dominan pada PRU16

● Sudah sampai masa UMNO menyusun langkah melalui agenda tersusun bagi memenangi hati rakyat khususnya orang Melayu yang sering terpengaruh sentimen politik sempit dimainkan pembangkang memburukkan imej parti itu

● Pada asasnya, UMNO mempunyai peluang baik bersama-sama dengan Kerajaan Perpaduan kerana kepemimpinannya sekarang memberikan ruang dan peluang untuk parti terus memperjuangkan agenda Melayu Islam



Oleh Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Terdapat kelainan kali ini pada Perhimpunan Agung UMNO 2024 bermula Rabu lalu dan berakhir semalam. Berpeluang mengikuti perkembangan dan ucapan pemimpin serta perwakilan pada bulan kemerdekaan ini.

Rata-ratanya pemimpin dan perwakilan lebih bersemangat dan meniup gendang perjuangan dilihat sebagai reaksi kegembiraan selepas kemenangan pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini

dengan majoriti lebih besar.

Ramai mengucapkan tahniah kepada calon Barisan Nasional (BN) yang juga Ketua Pemuda UMNO Kelantan, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani dan Tengku Razaleigh Hamzah serta Datuk Seri Ahmad Jazlan Yaakub atas kejayaan merampas Nenggiri daripada Perikatan Nasional (PN).

Kemenangan besar ini akan dibawa pada PRK DUN Mahkota, Kluang, Johor nanti pada 28 September ini yang akan ditandingi calon UMNO/BN.

Sementara itu, apabila meneliti ucapan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika perasmian dan penggulungan, jelas beliau menjelaskan senario kepada seluruh perwakilan dan penyokong UMNO bahawa dinamik politik nasional sudah berubah sejak Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada November 2022.

Mengambil kira apa yang berlaku di luar negara terhadap parti Parti Demokratik Liberal (LDP) di Jepun, Parti Rakyat India (BJP) dan Presiden Prabowo Subianto melalui parti Gerindra, semua parti ini memerlukan gabungan parti lebih besar untuk kekal memerintah.

Itu juga berlaku kepada UMNO dan BN pada 2022. Satu kerajaan campuran dan gabungan parti lebih besar digelar Kerajaan Perpaduan dibentuk bagi

menstabilkan politik Malaysia.

Oleh itu, bagi membolehkan UMNO dan BN menjadi dominan serta kedudukan tawar-menawar politik lebih kuat, UMNO perlu bersatu dan memenangi sebanyak mungkin kerusi ditandingi pada PRU akan datang. Maka, minda dan jiwa orang Melayu terutama sekali harus dimenangi untuk menjadikan UMNO terus dipotretkan sebagai parti tunjang pejuang nasib orang Melayu.

Bagi memenangi jiwa orang Melayu, UMNO harus kekal sebagai parti berhaluan sederhana atau centris. Sejak merdeka hingga kini, UMNO tidak pernah menjadi ekstrem sanggup memanipulasi agama, bangsa dan institusi raja demi kepentingan sempit perjuangan parti.

Oleh itu, UMNO terus mempertahankan semua hak orang Melayu dan memastikan bangsa Melayu terus makmur. Di samping itu, dengan mengekalkan pendekatan haluan sederhana, UMNO pasti diterima seluruh rakyat pelbagai kaum.

Selepas hampir dua tahun UMNO berada dalam Kerajaan Perpaduan, jelas menampakkan UMNO kembali diterima rakyat dan bertambah kukuh. Maka, sudah sampai masanya UMNO menyusun langkah melalui agenda tersusun bagi memenangi hati rakyat khususnya orang Melayu yang sering terpengaruh dengan sentimen politik sempit dimainkan pembangkang memburukkan imej UMNO.

UMNO kini jelas mempunyai agenda khusus harus digerakkan seluruh pejuangnya di seluruh negara. Jelas UMNO terkehadapan soal dasar ini berbanding parti pembangkang seperti PAS dan BERSATU yang masih tercari-cari hala tuju masa hadapan politik mereka kerana terlalu taasub bermain isu sentimen sebagai jalan pintas mendapat sokongan rakyat khususnya orang Melayu.

Tarik semula sokongan, perhasa parti

Maka, lima fokus agenda digariskan mampu memperkuat UMNO untuk tiga tahun ini sebelum PRU16 kelak.

● Pertama, agenda pengislahan generasi masa hadapan khususnya digerakkan MARA mampu mempersiapkan generasi pemimpin akan datang

melalui pendidikan di pelbagai peringkat.

● Kedua, agenda pemberdayaan wanita penting kerana gerak kerja UMNO banyak diperkuatkan sayap Wanita dan Puteri. Oleh itu, hak dan kepentingan wanita akan terus diperjuangkan UMNO khususnya melalui agenda pendidikan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

● Ketiga, agenda pendidikan anak muda juga dimantapkan melalui TVET dan merencanakan ekonomi gig.

● Keempat, agenda pemantapan transformasi ekonomi Bumiputera diteruskan melalui dasar Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB). Ini satu agenda besar mampu meningkatkan lagi mobiliti sosial dan status ekonomi Melayu serta Bumiputera keseluruhannya.

● Kelima, politik digital harus dikuasai UMNO untuk memastikan BN berjaya mendominasi naratif lebih mesra mendukung kehendak dan dasar Kerajaan Perpaduan dan BN secara khasnya.

Menurut Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, selain pendidikan tinggi akan dimantapkan dengan teknologi kecerdasan buatan (AI), pertembungan politik pada masa akan datang juga digerakkan teknologi AI.

Justeru, UMNO harus bersiap sedia menghadapi cabaran politik berasaskan AI ini pada masa depan supaya tidak ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi global terkini.

Bagi memperkuat semula UMNO, parti keramat ini harus bersatu padu dan memberikan satu fokus, dasar dan agenda jelas untuk memenangi hati orang Melayu.

Pada asasnya, UMNO mempunyai peluang baik bersama-sama dengan Kerajaan Perpaduan kerana kepemimpinannya sekarang memberikan ruang dan peluang untuk UMNO terus memperjuangkan agenda Melayu Islam.

Sementara itu, perwakilan dan akar umbi yang hadir perhimpunan agung kali ini menyedari Presiden UMNO bertanggungjawab mempertahankan UMNO daripada dibubarkan dan menyatupadukan parti serta BN sebelum ini sehingga menang cemerlang pada pilihan raya negeri (PRN) di Melaka dan Johor serta siri PRK lalu.

Banyak imej negatif terhadap Ahmad Zahid juga direka musuh UMNO khususnya PAS dan BERSATU bagi mewujudkan persepsi buruk terhadap UMNO/BN.

Selepas kemenangan di Nenggiri, ramai memberikan keyakinan kepada Ahmad Zahid untuk terus memimpin UMNO dan memberikan mandat kepada beliau memperkuat semula parti serta BN yang sangat memerlukan dukungan semua perwakilan dan ahli UMNO.

